

BAB KETIGA

UNDANG DAN PELANTIKANNYA

2.0 PENGENALAN

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dua, Rembau pernah menjadi sebuah kerajaan kecil yang di bawah takhluk jajahan Johor. Namun ia bukanlah satu bentuk kerajaan yang begitu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan pusatnya iaitu Johor. Ini adalah kerana masyarakat Rembau telah mempunyai satu sistem pentadbiran dan aktiviti sosial mereka yang tersendiri iaitu *Sistem Adat Perpatih*. Bahkan mereka mempunyai seorang pemimpin Luak yang bergelar *Undang* untuk memimpin Rembau. Justeru itu, untuk memfokuskan perbincangan kita mengenai pelantikan Undang ini maka dalam bab ini menyingkap sejarah wujudnya gelaran Undang Rembau, proses pelantikannya dan ciri-ciri untuk menjadi seorang pemimpin Luak tersebut.

3.1 GELARAN UNDANG

Sebelumnya Datuk-Datuk yang memegang Luak ini bergelar ‘Penghulu Luak’ saja. Gelaran ini kekal sehingga sekarang kepada 5 Luak lagi di Tanah Mengandung

di Kuala Pilah selain dari 4 Luak yang sudah bergelar ‘Undang’. Lima Luak di Tanah mengandung yang mengekalkan gelaran Penghulu Luak ialah:

- 1) Penghulu Luak Hulu Muar
- 2) Penghulu Luak Jempol
- 3) Penghulu Luak Terachi
- 4) Penghulu Luak Gunung Pasir, dan
- 5) Penghulu Luak Inas

Manakala 4 Luak yang sekarang ini menggunakan gelaran Undang itu merupakan Orang Besar Empat yang berkuasa penuh di Luak masing-masing iaitu :

- 1) Undang Luak Sungai Ujong
- 2) Undang Luak Jelebu
- 3) Undang Luak Johol, dan
- 4) Undang Luak Rembau¹

Gelaran ‘Undang’ sebelum kedatangan British ialah ‘Penghulu Luak’ berdasarkan kepada ‘teromba Jelebu’ yang menyebut gelaran kepada undangnya yang pertama ialah Penghulu Moyang Salleh, gelaran itu kekal hingga kepada Dato’ Penghulu Syed Ali. Ada orang-orang tua yang masih lagi memanggil Undang itu Penghulu hingga sekarang (gelaran Datuk Penghulu juga terdapat di Minangkabau).²

¹ Abdul Samad Idris(1987), *Tahkta Kerajaan Negeri Sembilan dan Kebudayaan*, Kuala Lumpur: Utusan Princorp Sdn. Bhd. hlm. 50

² Ibid.

di Kuala Pilah selain dari 4 Luak yang sudah bergelar ‘Undang’. Lima Luak di

Tanah mengandung yang mengekalkan gelaran Penghulu Luak ialah:

- 1) Penghulu Luak Hulu Muar
- 2) Penghulu Luak Jempol
- 3) Penghulu Luak Terachi
- 4) Penghulu Luak Gunung Pasir, dan
- 5) Penghulu Luak Inas

Manakala 4 Luak yang sekarang ini menggunakan gelaran Undang itu merupakan

Orang Besar Empat yang berkuasa penuh di Luak masing-masing iaitu :

- 1) Undang Luak Sungai Ujong
- 2) Undang Luak Jelebu
- 3) Undang Luak Johol, dan
- 4) Undang Luak Rembau¹

Gelaran ‘Undang’ sebelum kedatangan British ialah ‘Penghulu Luak’ berdasarkan kepada ‘teromba Jelebu’ yang menyebut gelaran kepada undangnya yang pertama ialah Penghulu Moyang Salleh, gelaran itu kekal hingga kepada Dato’ Penghulu Syed Ali. Ada orang-orang tua yang masih lagi memanggil Undang itu Penghulu hingga sekarang (gelaran Datuk Penghulu juga terdapat di Minangkabau).²

¹ Abdul Samad Idris(1987), *Tahkta Kerajaan Negeri Sembilan dan Kebudayaan*, Kuala Lumpur: Utusan Princorp Sdn. Bhd. hlm. 50

² *Ibid.*

Awalnya gelaran Penghulu Luak di 5 Luak di Tanah Mengandung juga diberi gelaran ‘Undang Luak’. Bagaimanapun gelaran tersebut dihapuskan kemudiannya setelah dibantah oleh Undang Sungai Ujong sewaktu disandang oleh Datuk Kelana Makmur (1889-1945), setelah penyatuan kembali Negeri Sembilan dibuat melalui perjanjian tahun 1898. (lihat lampiran 8).³

Alasan Datuk Kelana Makmur ialah, 5 Luak Tanah Mengandung terletak di bawah pentadbiran dan kuasa Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan di Seri Menanti, manakala 4 Luak yang hingga sekarang bergelar ‘Undang’ mentadbirkan hal ehwal adat dan agama di tangan ‘Undang Luak’ masing-masing dengan tidak perlu merujuk kepada Residen British saja mengikut pada perjanjian tersebut.⁴

Dalam erti kata lain kedudukan dan taraf 4 Luak yang bergelar Undang itu lebih tinggi dari 5 Luak di lingkungan Tanah Mengandung yang bergelar Penghulu. Disebabkan gelaran asalnya ‘Penghulu Luak’, untuk membezakan dengan 4 Luak Undang yang mempunyai hak kuasa lebih, dalam Luak masing-masing. Sedangkan Penghulu Luak di Tanah Mengandung terpaksa merujuk lebih dulu kepada raja sehubungan dengan masalah adat dan agama. Mereka tidak boleh bertindak seperti Undang Yang Empat di Luak masing-masing.⁵

Jelas di sini bahawa gelaran Undang bukannya gelaran asal bagi jawatan pemimpin Luak. Ia timbul selepas perjanjian dengan Inggeris pada tahun 1898 bagi

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*

membezakan bidangkuasa Penghulu di Tanah Mengandung dengan ketua-ketua Luak ketika itu. Gelaran Undang yang bermaksud *undang-undang* juga bolehlah dikatakan sebagai lambang kepada ketua yang melaksanakan undang-undang Adat Perpatih.

3.2 PECAHAN KAMPUNG DALAM CARAK BIDUANDA WARIS

Pusaka Undang di Luak Rembau ini hanya boleh diwarisi oleh keturunan Suku Biduanda Waris Lela Maharaja dan Suku Biduanda Waris Sedia Raja. Namun terdapat pecahan-pecahan kampung di dalam kedua-dua carak ini. Pecahan-pecahan kampung tersebut adalah seperti berikut;

3.2.1 Pecahan Kampung-kampung Dalam Carak Waris Jakun Lela Maharaja

Keturunan Carak Lela Maharaja itu terpecah kepada empat kampung, iaitu Kampung Kota, Kampung Chengkau/Chembong, Kampung Tebat dan Kampung Gadong. Sebagaimana yang telah disebutkan, carak ini asalnya ialah keturunan daripada anak-anak perempuan Datuk Lela Balang dengan isterinya Tok Bungkal anak Batin Sekudai. Pada mulanya ia meneroka dan tinggal di Kampung Kota. Ia mendapat tiga anak perempuan iaitu Tok Mak Daman, Tok Lijah, Tok Pundung dan seorang anak lelaki Seri Rama.

Tok Lijah pula mempunyai 5 orang anak. Dua anak perempuan dan tiga anak lelaki. Anak perempuannya Tiaman berpindah ke Kampung Chembong. Tiamin berpindah ke Chengkau, jadi sebab itulah diketahui Chengkau dan Chembong itu dikatakan bersaudara. Anak lelakinya Pendita dan Che' Wan Muda diriwayatkan mati kena 'salang'⁶ oleh sultan Johor di Johor. Ini adalah kerana mereka menderhaka kerana menyampaikan penolakan peminangan Sultan Johor yang ingin berkahwin dengan gadis yang dikatakan dari *Waris Undang*.⁷

Akibat derhaka yang dikatakan oleh Sultan Johor itu terhadap Waris Biduanda Kota khasnya dan Lela Maharaja amnya menyebabkan gugurnya hak menyandang pesaka Undang selama 16 penggantian Undang (lihat jadual 1.1) iaitu antara Dato' Lenggang Undang yang ketiga hinggalah Dato' Hj. Ipap Abdullah, Undang yang Kesembilan Belas, tiada waris Biduanda Kampung Kota yang menjadi Undang.⁸

Seorang lagi anak lelakinya Dato' Uban Putih Kepala telah dilantik menjadi Undang yang ke -5 (1645-1660).⁹ Apabila Dato' Uban manjadi Penghulu, beliau meminta kebenaran dari semua orang Rembau supaya keturunan-keturunan anak perempuannya memenuhi kekosongan waris (perut) bagi Carak Lela Maharaja. Seorang keturunan anak perempuannya bernama Khasiah menjadi Undang iaitu daripada isterinya orang Rembau, maka daripada asal keturunannya berpindah ke

⁶ Salang adalah hukuman yang dilaksanakan dengan menikam (dengan keris) dari lekuk tulang selangka kiri sehingga ke hati. (Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 1001.

⁷ Abdul Samad Idris, *op. cit.*, hlm. 205.

⁸ Temuramah bersama Hj. Nawawi Hj. Endek, seorang Buapak yang memegang gelaran Dato' Panglima Dalam, pada 29hb Januari 2002.

⁹ Abdul Samad Idris (1970), *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dan Kebudayaan*, Pustaka Asas Negeri, hlm. 170.

Kampung Gadong dan seorang lagi bernama Halimah iaitu anaknya daripada isterinya Si Dadap dari keturunan Tun Perak (Bendahara Melaka) berpindah ke kampung Tebat.¹⁰ Dengan itu jelaslah kepada kita bagaimana kedudukan dan pertalian 4 buah kampung dalam Carak Lela Maharaja Waris Jakun itu (lihat lampiran 1).

3.2.2 Pecahan Kampung-kampung Dalam Carak Waris Jawa Sedia Raja

Carak Sedia Raja itu seperti tersebut tadi adalah hasil tuntutan Datuk Laut Dalam yang pergi mengadap Sultan Johor supaya keturunannya juga diberi hak yang sama seperti anak-anak abangnya menyandang pusaka Undang di Rembau. Datuk Laut Dalam dengan isterinya perempuan Jawa itu telah mempunyai empat orang anak perempuan iaitu Siti Hawa, Shamsiah, Norimah dan Malidi. Anak sulungnya Siti Hawa telah berkahwin dengan Seri Rama, Undang yang pertama di Rembau.

Keturunan anak-anak perempuan Datuk Laut Dalam ini telah meneroka beberapa buah kampung dan itulah yang dikatakan kampung Tengah, kampung Bukit, kampung Pulau dan kampung Tanjong. Apabila gelaran menyandang pusaka Undang itu jatuh kepada Carak ini maka ditentukan kubangnya (kampungnya) di salah satu daripada empat kampung tersebut (lihat lampiran 2)¹¹

¹⁰ Hj. Nawawi Hj Endek (2000), *op. cit.*

¹¹ Abdul Samad Idris (1970), *op. cit.*, hlm. 173.

Giliran menjadi Undang berlaku antara pecahan-pecahan kampung dalam dua carak ini. Ini bermaksud Undang yang dilantik sebenarnya adalah dari keturunan seperti yang tersebut di atas. Hanya keturunan mereka yang dijelaskan seperti di atas sahaja yang berhak menjadi Undang Luak Rembau ini. Keturunan inilah yang dikatakan bersuku Biduanda Waris.

3.3 PELANTIKAN UNDANG DALAM LUAK REMBAU

Setiap kelompok masyarakat mempunyai cara-cara tertentu di dalam memilih pemimpin masing-masing. Begitu jugalah dalam pemilihan pemimpin di dalam Luak Rembau ini. Banyak perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum melantik pemimpin terutamanya dalam melantik Undang iaitu jawatan tertinggi di dalam Luak Rembau. Maka di sini penulis ingin menghuraikan konsep pemimpin secara umum, tugas dan syarat-syarat menjadi pemimpin khusus kepada jawatan Undang sebagaimana bersesuaian dengan kehendak disertasi ini.

3.3.1 Konsep Pelantikan Pemimpin dalam Adat Perpatih

Dinamika pemimpin dalam Adat Perpatih berlandaskan dua konsep iaitu muafakat dan budi. Masalah mesti dirundingkan untuk mencari kata putus dengan

cara bermuafakat dan bertolak ansur. Ini adalah untuk memastikan agar segala keputusan tidak menimbulkan sebarang keraguan dan kekeliruan.¹²

Semua yang terlibat berhak malah harus memberi pendapatnya. Mereka yang bertegang leher atau berdebat sebenarnya bukan untuk menegakkan ego masing-masing tetapi untuk mencari kesempurnaan dan kebaikan bagi masyarakatnya.¹³ Sesiapa yang kalah tidak harus merasa kecil hati atau terhina. Sesiapa yang menang pula tidak harus bangga atau bongkak. Apa yang lebih penting ialah kedua pihak telah berbudi kepada masyarakatnya.¹⁴ Konsep ini dijelaskan dalam teromba-teromba;

*Habis adat kerana kerelaan,
Hilang adat tegak dek muafakat.*

*Kelebihan umat dengan muafakat,
Kelebihan nabi dengan mukjizat.*

*Usang-usang diperbaharui,
Lapuk-lapuk dikajangi,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang,
Kalau singkat minta disambung,
Kalau panjang minta dikerat,
Kalau koyak minta ditampal,
Ibu adat muafakat.*

Dan

*Kata seorang dibulati,
Kata bersama diiyakan,
Beriya-iya ya adik,*

¹² Abdullah Siddik (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 110.

¹³ Nordin Selat (1974), "Pemimpin dalam Adat Perpatih" (Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih di Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban pada 11hb April 1974 , Negeri Sembilan: Jabatan Seranta Majlis Belia Negeri). hlm. 24-25

¹⁴ Nordin Selat (1974), *op. cit.*

*Bertidak-tidak ya kakak,
Dicari kata nan sebuah,
Dibulat kata ke muafakat.*

Muafakat dalam Adat Perpatih bermaksud mencari yang benarsebagaimana terombra:

*Penghulu beraja ke muafakat,
Muafakat beraja kepada yang benar,
Benar berdiri dengan sendirinya,
Yang dinamakan alur dan patut.*

Benar itu kekuatan, bukan kekuatan itu yang benar. Ini bermaksud pandangan yang benar itu bukan semestinya dari pandangan oleh mereka yang lebih ramai. Malahan pandangan walau dari seorang pun setelah diteliti dan dikaji ia mempunyai kekuatan dan lebih berupaya menyelesaikan masalah, maka pandangan inilah yang akan dipilih.¹⁵

Konsep budi pula bermaksud dalam mencari penyelesaian mereka mesti berkongsi dalam setiap kebaikan dan keburukan yang menimpa di samping bekerjasama dalam setiap amalan.¹⁶ Sebagaimana kata terombra;

*Hati gajah sama dilapah,
Hati tungau sama dicecah,
Nan ada sama dimakan,
Nan tidak sama dicari.*

*Seperigi sepermandian,
Sejamban seperulangan,
Sehalaman sepermainan.*

Dan

¹⁵ Nordin Selat (1983), *Anatomi Kepimpinan Melayu*, Selangor: Insular Publishing House Sdn Bhd., hlm. 3.

¹⁶ *Ibid.*

*Bukit sama didaki,
Lurah sama dituruni,
Laba sama dikutip,
Rugi sama ditatang.*

Pelantikan Undang berdasarkan muafakat dan budi ini hanya dilaksanakan selagi diakui dan disahkan oleh rakyat (melalui perwakilan). Undang-undang itu tidak berkuatkuasa jika semua pihak tidak bersetuju dengannya. Jelas di sini kuasa rakyat sebagai pemberi mandat adalah sangat penting sebagaimana terombra;¹⁷

*Berjunjung naik bertangga turun,
Naik dari bawah, turun dari atas,
Alam beraja, Luak berpenghulu,
Lembaga bersuku, Suku bertua,
Buapak beranak buah.*

Ini bermaksud kuasa yang ada pada setiap ketua-ketua adat di setiap peringkat berasal dari anak buah atau rakyat. Mereka berkuasa untuk melantik dan memecat ketua adat masing-masing. Pengkhususan kuasa itu pula melalui saluran-saluran tertentu dan penglibatan anggota masyarakat adalah perlu.¹⁸

¹⁷ Md Sharif Fakieh (Tuan Haji) (1988), 'Keberkesanan Adat Perpatih di dalam Pembentukan Masyarakat yang Dinamis' dalam (Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih "Keunggulan Adat Perpatih Sebagai Warisan Bangsa")

¹⁸ *Ibid.*

3.3.2 Syarat-syarat Undang

Terdapat beberapa syarat tertentu sebelum seseorang itu boleh dipertimbangkan untuk menjadi Undang, iaitu:¹⁹

3.3.2.1 Keturunan Undang

Beliau mestilah berhak untuk dicalonkan dari segi keturunan. Beliau mestilah suku Biduanda Waris Nan Dua Carak. Sama ada dari Carak Waris Lela Maharaja atau Carak Waris Sedia Raja (pecahan carak ini telah dijelaskan dalam 2.2). Tidak boleh menjadi Undang sesiapa yang dari suku Biduanda Dagang²⁰ dan suku lain selain dari suku Biduanda Waris. Syarat ini adalah syarat teras kepada syarat-syarat pelantikan Undang Luak Rembau ini.

3.3.2.2 Lelaki

Seseorang calon itu mestilah dari kaum lelaki. Mengikut Adat Perpatih pemegang pusaka adalah kaum perempuan (ibu soko) tetapi penyandang pusaka adalah kaum lelaki.²¹ Ini bermaksud kaum perempuan berhak ke atas harta pusaka sebagai tanda Adat Perpatih membela nasib kaum wanita tetapi bagi jawatan pemimpin di setiap kelompok keluarga dan masyarakat kaum lelaki adalah lebih berhak. Adat ini telah termasyur sejak

¹⁹ Semua data dalam bahagian ini adalah hasil temuramah bersama Hj. Yahaya Abdul Ghani, seorang Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Perba pada Shb. Mac 2002, kecuali data-data yang dijelaskan sumbernya.

²⁰ Suku Biduanda Dagang ialah orang yang bersuku Biduanda tetapi datang ke Rembau kemudian dari suku Biduanda Waris. (Temuramah bersama Profesor Norhalim Hj Ibrahim (2002), *op.cit.*)

²¹ Nordin Selat (1983), *Anatomi Kemimpinan Melayu*, Selangor: Insular Publishing House Sdn. Bhd., hlm. 18.

dahulu lagi dan telah digunakan oleh masyarakat di Rembau sehingga ke hari ini.

3.3.2.3 Beragama Islam

Beliau mestilah beragama Islam. Syarat ini adalah antara syarat utama untuk menjadi Undang. Seorang yang bukan Islam dan murtad tidak boleh menjadi Undang walaupun setelah dilantik. Syarat ini penting kerana Undang yang akan menjalankan agama Islam bagi Luaknya. Beliau juga akan memimpin masyarakat yang keseluruhannya beragama Islam dan beliau sendiri tidak boleh menyalahi undang-undang Islam contohnya berkhawat.²²

3.3.2.4 Berakal

Beliau mestilah berakal iaitu otaknya siuman. Tidak boleh seorang yang gila atau nyanyok menjadi Undang.²³

3.3.2.5 Baligh

Beliau mestilah baligh dengan ertikata sudah dewasa.²⁴ Tidak boleh budak kecil menjadi Undang. Menurut Penghulu Zainuddin Bujang dalam sejarah perlantikan Undang terdapat budak kecil menjadi Undang iaitu Dato' Lenggang (1605-1620). Ini adalah kerana ketika itu tidak terdapat pengganti

²² Temuramah bersama Hj. Yahaya Abd. Ghani, seorang Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Perba pada 5hb. Mac 2002

²³ *Ibid.*

²⁴ Nordin Selat (1983), *op. cit.*, hlm. 19.

yang layak selain beliau. Kemudian beliau dilucutkan jawatannya setelah dapat pengganti yang lebih sesuai.²⁵

3.3.2.6 Tidak Cacat

Calon Undang tidak boleh seorang yang cacat. Maksud cacat di sini adalah cacat dari segi keturunan dan dari segi fizikal. Keturunan beliau dan beliau sendiri mestilah tidak melakukan sebarang kesalahan adat yang tidak boleh ditebus contohnya kahwin sesuku. Beliau juga mestilah seorang yang tidak cacat anggota badan. Isteri beliau juga mestilah tidak cacat dari segi fizikalnya. Ini adalah untuk menjaga status Undang itu setelah dilantik nanti.²⁶

Tetapi menurut Dato' Perba Hj. Yahaya Abdul Ghani terdapat dalam sejarah Undang yang mengalami kecacatan fizikal iaitu Dato' Bogok (1812-1819) dan Dato' Hj. Adnan Hj. Maah (1963-1998). Tetapi kecacatan ini diperolehi setelah mereka terlantik menjadi Undang. Jawatan mereka dikekalkan kerana kecacatan mereka ini adalah kecacatan yang mendatang setelah dilantik dan tidak melibatkan kecacatan akal fikiran yang membuatkan mereka tidak boleh memimpin.²⁷

²⁵ Temuramah bersama En. Zainuddin Bujang, Penghulu Mukim Selemak pada 20hb Mac 2002.

²⁶ Hj. Yahaya Abd Ghani (2002), *op. cit.*

²⁷ *Ibid*

3.3.2.7 Tidak Melakukan Kesalahan Undang-undang Negara

Beliau hendaklah tidak melakukan apa-apa kesalahan dibawah Undang-undang Kerajaan Malaysia sama ada sivil atau jenayah dan beliau hendaklah tidak bankrap. Undang boleh dipecat jika melakukan kesalahan-kesalahan tersebut di atas.²⁸

3.3.2.8 Sihat dan Berilmu Pengetahuan

Beliau mestilah sihat dan cerdas dari segi fizikal dan mentalnya. Amat perlu bagi Undang seorang yang sihat dan cerdas kerana beliaulah yang akan memimpin kelompok Luaknya. Beliau hendaklah berpengetahuan dalam hal ehwal agama Islam dan sosial masyarakat terutama dalam hal ehwal masyarakat adat dalam Luaknya. Oleh itu beliau perlulah seorang yang tahu tentang adat istiadat Luak Rembau. Pemimpin adat juga hendaklah seorang yang bijaksana. Kebijaksanaan pemimpin ini telah digambarkan dalam teromba;²⁹

*Ular dipalu biar mati,
Kayu pemalu jangan patah,
Tanah pemalu jangan limbang.*

*Seperti mengambil benang dalam tepung,
Benang jangan putus,
Tepung jangan berselerak*

Teromba ini dirujukan kepada sikap pemimpin dalam menyelesaikan masalah antara anak buahnya. Ia bermaksud bahawa masalah hendaklah diselesaikan dengan tidak mendatangkan keburukan kepada yang lain.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Nordin Selat (1983), *op. cit.*, hlm. 19.

Penyelesaian begini adalah melalui kebijaksanaan. Maka bagi tujuan ini, sebelum Undang dilantik, calon Undang itu akan menjalani satu temuduga yang menguji tahap pengetahuannya dalam setiap sudut.³⁰

3.3.2.9 Keturunan Yang Baik

Beliau mestilah dari keturunan yang baik untuk menjaga salasilah dan nama baik institusi ini. Ini berdasarkan kata perbilangan : “*Kalau bapa burik tentu anaknya rintik*”

3.3.2.10 Dipersetujui Oleh Anak Buah

Beliau mestilah telah dipersetujui, iaitu ada mandat dari anak buah.³¹

Syarat-syarat tersebut di atas adalah syarat-syarat yang masih diamalkan sehingga kini terutamanya syarat-syarat tiga yang utama iaitu keturunan Biduanda Dua Carak, lelaki dan Islam. Ini adalah kerana syarat-syarat tersebut adalah syarat-syarat teras di dalam melantik Undang. Sementara syarat-syarat lain adalah lebih fleksibel mengikut keadaan semasa sebagaimana yang telah dibincangkan.

Tidak ditetapkan sifat-sifat tertentu untuk menjadi Undang. Cuma terdapat beberapa sifat-sifat yang difikirkan ideal oleh Profesor Nordin Selat kepada semua pemimpin adat termasuklah jawatan Undang. Namun ia tidaklah bermaksud wajib untuk pemimpin adat dan Undang mempunyai sifat-sifat tersebut. Tetapi sifat-sifat

³⁰ Hj. Yahaya Abd. Ghani (2002), *op. cit.*

³¹ Nordin Selat (1983), *op. cit.*, hlm. 19.

ideal ini hanyalah untuk menjaga taraf mereka sebagai pemimpin-pemimpin adat. Antara sifat-sifat tersebut ialah mempunyai kedudukan ekonomi, kesihatan, budi (watak seperti pemurah, sabar, benar, amanah dan tabligh) dan akal yang baik.³²

Oleh itu Nordin Selat membuat kesimpulan bahawa pemimpin itu mestilah mempunyai gembelingan sifat-sifat yang dalam adat yang dikatakan sebagai ‘*tali berpilin tiga*’ atau ‘*tungku tiga seterangan*.’ Sifat-sifat ini ialah agama, adat dan intelek. Jadi sebaik-baiknya seorang seorang pemimpin itu mesti pandai dalam hal agama, adat dan mempunyai kesanggupan intelek.³³

3.3.3 Proses Pelantikan Undang Rembau

Bagi melantik seseorang pemimpin Adat Perpatih terutamanya pemimpin besar bagi Luak Rembau ini, maka upacara-upacara tertentu mestilah diadakan dengan penuh adat-istiadat. Maka di sini dijelaskan tatacara bagi melantik Undang Luak Rembau bermula di hari pengkebumian Undang yang mangkat sehingga hari menyalang Undang yang baru dilantik ke Istana Seri Menanti.

Mengikut Perlembagaan Adat Rembau, apabila seseorang Undang mangkat, tiada jawatan pemangku untuk dilantik menjadi pengganti Undang yang mangkat tersebut. Cuma pusaka Undang itu akan diletakkan dibawah jagaan, amanah dan

³² Nordin Selat (1974), *op. cit.*, him. 24-25.

³³ *Ibid*, him. 17.

tanggungjawab Dato' Perba. Dato' Perba akan memegang amanah tersebut sehingga hari pengistiharan perlantikan Undang yang baru.³⁴

Walau bagaimanapun sebenarnya pengganti Undang Luak Rembau boleh diistiharkan pada masa hari kematian dan pengkebumian Undang yang mangkat itu. Kata perbilangan adat Rembau ada mengatakan:

*Patah tumbuh hilang berganti,
Sehari hilang sehari dicari.*³⁵

Dalam sebutan *Undang mangkat* *Undang memakamkan*, Undang baru dipilih sebelum Undang dimangkatkan. Kata-kata itu pada masa ini hanya tinggal pada sebutan sahaja kerana sukar untuk diikuti sebab pusaka itu hanya satu sedangkan yang menuntutnya ramai.³⁶

Bagi melicinkan proses pengambilalihan jawatan yang bergilir, penggantinya boleh dibuat bila-bila masa selepas hari berkenaan setelah ditentukan oleh Dato' Perba dan mendapat persetujuan oleh badan pelantik.³⁷ Biasanya proses pelantikan Undang mengambil masa lebih kurang 40 hari.³⁸

³⁴ Zulkepley Dahalan (1994), "Sistem Pemilihan Ketua Adat" dalam Abdul Samad Idris et.al (ed), *Negeri Sembilan, Gemuk Dipupuk , Segar Bersiram Adat Merentas Zaman*, hlm. 110.

³⁵ Norzali Hj. Ibrahim (1999), "Undang Luak Rembau ke-21; Adat dan Istiadat Perlantikan" dalam *Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*, Keluaran 22, hlm. 11.

³⁶ Hj. Nawawi Endek (2000), *op. cit.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Zulkepley Dahalan (1994), *op. cit.*

3.3.3.1 Mendirikan Adat

Mengikut adat istiadat dalam Luak Rembau, setiap kematian penyandang pusaka sama ada pusaka Undang, Lembaga Orang Besar Undang atau Buapak, sebelum upacara pengebumian dijalankan, pusaka yang disandang oleh bekas penyandang pusaka hendaklah diberikan kepada Sukunya (Ibu Soko Tua) barulah jenazah boleh dikebumikan. Upacara menurunkan pusaka ini dinamakan *mendirikan adat*. Jika pusaka tidak diturunkan, bermakna pusaka itu dikebumikan bersama dan keadaan ini diistilahkan sebagai *telah terbenam*. Berikutan dengan itu pusaka berkenaan dianggap *terputus* dan tidak boleh dicari penggantinya. Penggantinya hanya boleh dicari setelah pusaka yang terbenam tersebut ditimbulkan oleh orang yang memiliki pusaka.³⁹ Usaha menimbulkan kembali pusaka yang terbenam adalah dalam tangan *Ibu Soko* iaitu perempuan yang tertua dalam suku penyandang.⁴⁰

Upacara mendirikan adat bagi pusaka Undang ini dihadiri oleh Orang Besar Undang Lapan Kampung, Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai dan Dato'-dato' Lembaga yang lain. Muafakat mereka diperlukan untuk mengamanahkan kepada Dato' Perba memegang pusaka Undang sehingga hari pengistiharan penyandang pusaka yang baru dibuat.⁴¹

³⁹ Mengikut adat istiadat Rembau pusaka adat dimiliki oleh orang perempuan dan orang lelaki adalah bertanggungjawab sebagai penyandang pusaka tersebut.

⁴⁰ Norzali Hj. Ibrahim (1999), *op. cit*, hlm. 10.

⁴¹ Mohamed Din Ali (1957), *Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu*, Kuala Lumpur: The Economic Printers Ltd. hlm. 60.

3.3.3.2 Mencari Benih

Setelah Undang dimakamkan, berhimpunlah Buapak-buapak daripada lapan buah kampung dalam Carak Lela Maharaja (Biduanda Jakun) dan Carak Sedia Raja (Biduanda Jawa) bagi menentukan gerangan kampung manakah yang akan menerima pusaka itu. Himpunan Buapak-buapak tersebut adalah seperti berikut:

i. Buapak Carak Lela Maharaja

- 1) Siamar Raja dari Kampung Kota
- 2) Paduka dari Kampung Chengkau dan Chembong
- 3) Menteri Maharaja dari Kampung Gadong
- 4) Juan dari Kampung Tebat

ii. Buapak Carak Sedia Raja

- 1) Menti dari Kampung Bukit
- 2) Orang Kaya Muda dari Kampung Pulau
- 3) Kaya Maharaja dari Kampung Tanjong
- 4) Kaya Menteri dari Kampung Tengah⁴²

Undang akan dilantik dari kampung-kampung dalam dua carak di atas secara bergilir-gilir. Jika sebelum ini Undang dilantik dari kampung carak Lela Maharaja maka perlantikan selepasnya adalah di kalangan ahli kampung carak Sedia Raja pula.

⁴² Zulkepiew Dahalan (1994), *op. cit.*

Undang juga dipilih bergilir antara kampung dalam satu carak itu seperti jika sebelumnya Undang pernah dilantik dari kampung Bukit maka selepasnya hendaklah dilantik dari tiga kampung yang lain dalam carak itu. Kebulatan dan mesyuarat itu diketuai oleh Lembaga Waris Dato' Perba.⁴³

Setelah dapat ditentukan carak dan kampungnya, maka Buapak kampung yang berkenaan mengumpulkan semua anak buahnya (orang kampung) seberapa ramai. Maka diterima nama-nama calon daripada anak buah kampung tersebut. Nama-nama itu akan ditapis oleh Dato' Perba bersama dengan Orang Besar Undang yang berempat iaitu Dato' Shahbandar, Dato' Mangkubumi, Dato' Menteri Lela Perkasa dan Dato' Raja Di Raja.⁴⁴

Setiap calon akan ditemuduga dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan adat istiadat, agama dan pengetahuan am bagi menentukan tahap pengetahuan sebagai calon Undang. Selain daripada itu keadaan fizikal calon juga akan diambil kira bagi memastikan calon tidak cacat anggota mereka (ini telah dijelaskan dalam 2.3.3).⁴⁵

Calon yang layak setelah ditemuduga sahaja akan dihantar kepada Lembaga Tiang Balai Yang Berlapan bagi menentukan seorang sahaja calon bakal Undang.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Hj. Nawawi Hj. Endek (2000), *op. cit.*

⁴⁵ Temuramah bersama Hj. Yahaya Abd Ghani, *op. cit.* seorang Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Perba pada 5hb. Mac 2002.

Dalam menentukan seorang calon bakal Undang itu, Dato' Tiang Balai tadi hendaklah patuh pada kata-kata:

'Empat sebelah baroh menjadi, empat sebelah darat mengakui'.

Pendeknya yang bersuara dalam pemilihan itu ialah empat Tiang Balai sebelah Baruh, iaitu Dato' Gempa Maharaja' Dato' Merbangsa, Dato' Bangsa Balang dan Dato' Samsura Pahlawan dan Tiang Balai Sebelah Darat iaitu Dato' Seri Maharaja, Dato' Sinda Maharaja, Dato' Andika dan Dato' Mendelika hanya memperkenankannya sahaja.⁴⁶ Manakala pengurus bagi mesyuarat ini adalah Dato' Gempa Maharaja seandainya calon-calon dikalangan Carak Lela Maharaja dan Dato' Merbangsa seandainya calon-calon dari Carak Sedia Raja.⁴⁷

Dato'-Dato' yang lain seperti Lembaga Yang Dua Belas atau Orang Besar Yang Berempat bertindak sebagai pemerhati dalam pemilihan itu. Ini bukanlah bermaksud mereka ditinggalkan dalam membincangkan sesuatu cuma sekiranya ada diantara mereka itu yang tidak berkenan dengan pemilihan yang dibuat maka pemilihan tidak tergendala.⁴⁸ Seandainya tidak terdapat persepakatan malah berlakunya pertelingkahan maka Dato' Perba sebagai Lembaga Waris Dua Carak terpaksa bertindak mengishtiharkan pelantikan calon yang layak menjadi Undang.⁴⁹

⁴⁶ Hj. Nawawi Hj. Endek (2000). *op. cit.*

⁴⁷ Temuramah bersama Profesor Norhalim Hj Ibrahim, Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 23hb. Februari 2002.

⁴⁸ Zulkepiy Dahalan (1994). *op. cit.*, hlm. 111.

⁴⁹ Sebagaimana yang berlaku dalam pelantikan Undang Rembau yang ke-21 (Hj. Nawawi Hj. Endek (2000). *op. cit.*)

3.3.3.3 Pengistiharan Pelantikan

Apabila kebulatan suara dan persetujuan yang seja sekata telah tercapai, sekiranya bakal Undang itu jatuh kepada Carak Lela Maharaja (Biduanda Jakun) maka Dato' Gempa Maharaja akan tampil menyeru nama Undang kepada khalayak ramai. Sekiranya Carak Sedia Raja (Biduanda Jawa) pula yang menjadi Undang maka Dato' Merbangsa yang akan menyerukannya.⁵⁰ Setelah nama Undang diistiharkan, tembakan meriam akan dilepaskan sebanyak sembilan das untuk memberitahu rakyat bahawa penyandang pusaka Undang yang baru telah dilantik.⁵¹

3.3.3.4 Telapak Ibu

Selepas majlis pengistiharan dibuat, *adat menjemput* dijalankan oleh semua penyandang pusaka yang baru dilantik di Rembau. Tujuan adat tersebut untuk *menambangkan*⁵² penyandang pusaka baru itu ditempat ia menyemenda. Mengikut pengalaman Datuk Undang Lela Maharaja Haji Muhamad Sharip, bapa saudara kepada isterinya diadatkan menjemput beliau untuk balik ke rumah isterinya dengan membawa tepak sirih dengan diiringi oleh Lembaga suku isterinya. Adat menjemput

⁵⁰ Zulkepiey Dahalan (1994), *op.cit.*

⁵¹ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *Negeri Sembilan: Daerah Kecil Pusaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 337-340.

⁵² *Menambangkan* di sini bermaksud meletakkan dengan adat akan gelaran yang baru disandang agar diketahui oleh rakyat atau anak buah isteri khasnya dan rakyat Luak amnya.(Norzali Hj. Ibrahim (1999), *op. cit.*, hlm. 14)

ini sangat penting kerana yang dijemput bukan lagi rakyat biasa tetapi Dato' Undang Luak Rembau.⁵³

3.3.3.5 Adat Kerjan Undang

Setelah itu pada satu hari yang ditentukan diadakan adat istiadat ‘*Kerjan*’ (Kerajaan) atau kadang-kadang disebut istiadat *menabal*. Istiadat kerjan bermaksud memasyurkan atau mengistiharkan secara penuh adat istiadat ke atas penyandang pusaka Undang Luak. Dengan demikian istilah kerjan digunakan khas kepada adat istiadat menabalkan atau menobatkan Undang. Sehubungan dengan itu, Luak Rembau dikenali dengan *Tanah Kerjan*.⁵⁴ Istiadat kerjan dilaksana dan disempurnakan di rumah penyandang yang dilantik dalam suasana yang penuh adat istiadat.⁵⁵

Undang yang dilantik akan dibawa ke Balai Adat bersama Toh Puan (isteri Undang) dengan diiringi oleh juak hulubalang. Datuk Senara akan menyempurnakan pemasyuran kerjan dengan menyerukan pemasyuran. Sebaik sahaja pemasyuran dibuat, gong atau canang dipukul menandakan rasminya mengikut adat istiadat pelantikan Dato' Undang yang baru ini.⁵⁶

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ Rembau dikatakan sebagai tanah kerjan kerana di Rembau, khususnya di Penajis ialah tempat menabalkan empat orang Yamtuan (Yang Dipertuan) iaitu Raja Melewar (1720-an), Raja Hitam (1795), Raja Lenggang Laut (1808) dan Raja Labu (1826). (*Ibid.*)

⁵⁵ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.*

⁵⁶ *Ibid.*, hlm. 15.

Pada masa dahulu, istiadat ini mesti dibuat di kampung Nerasu, sekarang di rumah Undang. Pada hari itu alat-alat kebesaran dipasang termasuk keris, lembing, tombak, sundang, payung kebesaran serta gong atau canang. Sebuah balai bertingkat juga telah didirikan di sisi rumah dan dihiasi dengan lelangit berwarna kuning sebagai lambang kebesaran Undang Luak Rembau.⁵⁷ Keadaan ini digambarkan dengan kata teromba adat iaitu:

*Membentang kebesaran
Empat payung terkembang
Empat tombak menghurai
Empat pedang tercabut
Empat keris tercabut
Mendirikan tunggal
Tiang berpalut kain
Tabir di dinding
Merual
terpasang langit-langit
tersangkut sempaian
ular-ular
gunung berangka
fajar menyingsing
halaman beratap
kain tilam berulas
canang berpukul
Bantal bersusun
Alamat berbunyi*

3.3.3.6 Merafaq Sembah Kasih

Selesai adat istiadat pemasyuran dibuat dikehendaki semua Dato'-Dato' Lembaga. Orang Besar, Buapak (mereka yang bergelar dalam kerajaan adat) hadir dan merafaq sembah mengikut gelaran masing-masing. Apabila telah zahir masih

⁵⁷ Ibid.

terdapat lagi yang tidak menyembah dalam masa tiga hari⁵⁸ maka dengan sendirinya gelaran mereka terpecah dan jawatan mereka akan diganti. Selesai sahaja menyembah, dibaca doa selamat. Pada hari *kerjan* juga Undang yang baru dikehendaki menziarahi makam Undang yang meninggal dunia. Setiap penyandang pusaka Undang Rembau yang baru dilantik diwajibkan menziarahi sebuah danau yang dikenali dengan Danau Sisik Omeh (Emas) yang terletak di Kampung Sawah (Sawar) Raja.⁵⁹

3.3.3.7 Menyalang⁶⁰ ke Seri Menanti

Tiap-tiap seorang Undang itu apabila selesai dikerjakan dengan adat istiadatnya, lazimnya Undang akan pergi berangkat mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan di Seri Menanti, diiringi oleh Orang Besar dan Dato' Lembaga serta anak dengan waris bersama alat-alat kebesaran Undang, tepak sirih, buah tangan lapan buah ‘*boko*’ (bakul) kuih wajik atau ‘*penganan*’ (dodol) serta wang se-bahara.⁶¹ Adat ini dinamakan adat menyalang yang bertujuan untuk memperkenalkan diri.⁶²

⁵⁸ Yahaya Abd Ghani (2002), *op. cit.*,

⁵⁹ Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Anggota Kumpulan Utusan Melayu, 1982, hlm. 154-155.

⁶⁰ Menyalang bermaksud menziarahi

⁶¹ Bahara adalah nilai wang larna. Sekaraang satu bahara bernilai RM 24.00. Sebelum Undang Dato' Abdullah, nilai satu bahara RM 14.00. Undang Dato' Abdullah menaikkan nilai bahara itu semasa pemerintahan beliau. (Ibrahim Abdullah (1990), “Struktur Suku Rembau” dalam Norazit Selat (ed.), *Negeri Sembilan : Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm.71.

⁶² Norzali Hj. Ibrahim (1999), *op. cit.*

Pada zaman dahulu, ketika negeri belum terbuka, kemudahannya belum ada, perjalanan dari Rembau ke Seri Menanti itu terpaksa dilakukan dengan berjalan kaki meredah hutan, mendaki Bukit Tempurung, kerana upacara mengadap bermula pada sebelah pagi esoknya.⁶³ Mengikut pengalaman Undang Hj Muhamad Sharif (Undang yang ke-21), istiadat ini masih lagi dilakukan dengan menyalang ke Seri Menanti dengan berjalan kaki merentas Banjaran Titiwangsa menuju ke Kampung Pasir di Seri Menanti. Undang dengan diiringi oleh rakyat bergerak meninggalkan telapaknya menuju ke Kampung Pabai di Miku. Turut mengiringi ialah Orang Besar Undang, Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai, Datuk-datuk Lembaga serta orang ramai. Turut mengiringi Dato' Undang ialah pasukan tentera dan polis.⁶⁴

Ketika perjalanan, pemukul tetawak mestilah sentasa memukul tetawaknya bagi menjadi pedoman laluan agar tidak ada yang tersesat. Dengan kata lain pemukul tetawak merupakan pemandu jalan. Ketika hutan masih dara dahulu pemukul tetawak atau pemandu jalan ini sangat penting bagi menentukan jalan dan laluan yang hendak diikuti agar semua pengikut rombongan tersebut selamat sampai ke tempat yang dituju.⁶⁵

Apabila rombongan sampai di Bukit Tempurung, kampung Bukit, rombongan disambut oleh penghulu kampung berkenaan serta dibawa ke rumahnya. Rumah Penghulu hanya sebagai tempat berangguh⁶⁶ bagi melepaskan penat buat seketika dan

⁶³ Abdul Samad Idris, (1970), *op. cit.*, hlm. 177-178.

⁶⁴ Norzali Hj. Ibrahim (1999), *op. cit.*, hlm. 19.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Tempat persinggahan

kemudiannya Undang menuju ke Rumah Telapakan Rembau di kampung Bukit. Rumah Telapakan ini adalah persinggahan sebenar. Ketika di rumah ini Datuk Undang dan rombongannya dijamu mengikut istiadat kebesaran Undang Luak Rembau.⁶⁷

Kedatangan Dato' Undang mesti disambut dengan segala kebesaran oleh Buapak Telapakan. Mengikut adat, Dato' Undang tidak boleh singgah di rumah lain, melainkan terus ke rumah Telapakan Rembau. Jika adat ini tidak dituruti dipercayai sesuatu yang tidak diingini kemungkinan akan berlaku ke atas diri Dato' Undang. Hal ini telah dimaklumkan sendiri oleh pemilik rumah telapakan tersebut. Pemilik rumah Telapakan pindah ke Seri Menanti pada akhir tahun 1720-an dahulu. Raja Melewar, setelah bermalam di Kampung Bukit, telah meneruskan perjalanannya menuju ke Seri Menanti dan beristana di Seri Menanti. Sebelum berangkat, Raja Melewar telah bersiram di sebuah telaga yang masih terdapat berhampiran dengan rumah Telapakan tersebut. Walau bagaimanapun orang Rembau tersebut tidak meneruskan perjalanan mengikut Raja ke Seri Menanti, tetapi menetap terus di Kampung Bukit. Keturunannya yang bertanggungjawab sehingga ke hari ini menyediakan segala alat kebesaran apabila Undang Luak Rembau yang baru datang menyalang ke Seri Menanti.⁶⁸

Undang yang dilantik sebelum berangkat menuju ke Seri Menanti, telah mandi di telaga yang telah disebut tadi. Setelah siap, rombongan tersebut akan

⁶⁷ Norzali Hj. Ibrahim (1999), *op. cit.*

⁶⁸ *Ibid.*

menuju ke Istana Besar Seri Menanti dengan diiringai paluan rebana Rembau sehingga sampai ke pintu Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti. Kemudian sampailah masanya untuk mengadap Yang Di Pertuan Besar. Masanya ditentukan oleh Lembaga Berlapan. Biasanya adat menyembah ini memakan masa selama tiga hari. (keterangan lanjut dalam lampiran 9).⁶⁹

Kesimpulan dari cara-cara pelantikan yang dihuraikan untuk menjadi Undang jelas menunjukkan bahawa walaupun Undang dari segi bidang kuasa adalah kuasa tertinggi dalam hirarki pentadbiran Luak Rembau, tetapi dari segi pelantikan, Undang tertakluk di bawah kuasa pemimpin kelompok kekeluargaan dan Dato' Lembaga Tiang Balai untuk melantik. Iaitu mereka adalah antara anggota yang memilih kepada jawatan Undang yang bermula dari jawatan Buapak (dikhaskan dalam suku Biduanda Waris Dua Carak sahaja) ⁷⁰ dan kemudiannya Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai dan Dato' Perba.⁷¹ Manakala Yam Di Pertuan Besar pula tidak ada kuasa melantik Undang. Adat istiadat menyalang hanya untuk memperkenalkan diri sahaja sebagai Undang yang baru di Luak Rembau.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Lihat 3.2 untuk keterangan lanjut.

⁷¹ Tetapi tidaklah bermakna jawatan Kadim atau Besar tidak memainkan peranan dalam pelantikan Undang ini. Cuma peranan mereka adalah secara tidak rasmi. Contohnya Buapak yang ingin melantik Undang juga akan bertanyakan hal peribadi bakal Undang yang akan dilantik kepada Kadim atau Besar kerana mereka merupakan orang yang lebih dekat dan tahu hal anak buahnya.

3.4 KESIMPULAN

Konklusinya di sini bahawa pelaksanaan pelantikan Undang Luak Rembau di Negeri Sembilan masih dijalankan dengan penuh adat istiadat Adat Perpatih. Tidak ada perbezaannya sebagaimana pelantikan Undang yang pertama. Segala proses pelantikan masih berjalan seperti biasa. Cuma menurut pengamatan penulis, telah berlaku asimilasi pengamalan budaya Islam di dalam proses pelantikan ini. Ini jelas dilihat bahawa setiap kali majlis yang ingin diadakan pasti diiringi dengan bacaan doa dan penggunaan mentera oleh pawang tidak lagi digunakan secara menyeluruh bahkan telah ditukar dengan bacaan-bacaan doa tertentu yang bertujuan untuk menjaga keselamatan bakal Undang dan masyarakat umumnya.

Seterusnya melalui pelantikan berperingkat-peringkat maka dapat di lihat bahawa sistem pentadbiran adat ini adalah bercorak demokrasi. Jelas rakyat juga berperanan dalam pemerentahan negeri, bermula dari peringkat kelompok keluarga yang paling rendah hingga peringkat yang lebih tinggi. Proses pelantikan yang juga bercorak demokrasi ini diperlengkapkan lagi dengan konsep muafakat dan budi yang menjadi pegangan untuk melantik dan menjadi pemimpin di Luak Rembau ini.